

01/06/1999

Betulkan diri sebelum mengutuk

Wani Z

SAYA dapat melihat betapa keadaan politik hari ini semakin sulit. Perpindahan daripada satu parti ke parti yang lain menjadi fenomena biasa. Mereka yang selama ini mengaut pelbagai untung daripada kerajaan sudah mula mengutuk. Lebih memalukan, golongan ini masih lagi bernaung di bawah kerajaan. Sebagai contoh, guru dan pelajar institusi pengajian tinggi.

Suka saya mencabar golongan ini, keluarlah daripada lindungan payung kerajaan dan buatlah sesuka hati anda. Kepada rakan-rakan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), pulangkanlah biasiswa dan pinjaman yang diperolehi. Janganlah 'jadi kacang lupakan kulit'.

Kepada pensyarah yang hanya berani bersuara di dalam kelas, ingatlah tindakan anda itu hanya mencerminkan ketidakwibawaan anda sendiri. Tolonglah sedar bahawa tidak semua pelajar ahli Pas, keADILan penggerak reformasi atau DAP (mana satu?). Mengajar adalah satu amanah, gunakanlah masa yang ada untuk mendidik anak bangsa dengan baik bukannya menyimpang-siur ke tempat lain.

Jika kerajaan serba tak betul, nah...betulkan! Namun jangan lupa 'betulkan' dulu tong sampah yang dibakar tempoh hari. 'Betulkan' kereta orang yang dirosakkan. Dalam erti kata lain betulkan diri terlebih dahulu. Kalau setakat melaung slogan, mengibar bendera, menendang kereta sambil rambut tidak terurus dengan pakaian yang tidak kemas; nescaya tidak ke mana.

Mahu membusukkan nama negara, perlu mendapat sokongan luar. Pelajar di sebuah IPTA antarabangsa kita turut bersikap sedemikian. Me'REFORMASI'kan mereka yang datang dari luar negara. Lekas benar mereka lupa, kita mengambil masa bertahun-tahun untuk mendapatkan kemerdekaan dari tangan rakyat asing. Jadikanlah ia pengajaran. Jangan sekali-kali memberi muka kepada mereka. Jangan pisang berbuah dua kali. Kalau 'kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga'. Kalau ilmu masih cetek, tidak mahir dengan sejarah bangsa sendiri - lebih baik berdiam saja. Balik ke 1946, Umno di bawah pimpinan Allahyarham Datuk Onn Jaafar yang berhempas-pulas menentang Malayan Union adalah parti politik yang antara sedar dan tidak adalah nadi utama dalam melahirkan Malaysia sekarang.

Malaysia kita berbilang kaum. Inilah tinggalan terbesar British kepada kita. Meninggalkan satu kemerdekaan serta masalah berbangkit yang besar. Parti politik kemudiannya membiak bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Namun hanya Barisan Nasional (BN) saja yang mampu memegang tampuk kerajaan sejak memperolehi kemerdekaan pada 1957.

Soal terlalu lama memegang tampuk itu tidak sepatutnya menjadi isu besar. Parti Kongres di India turut memerintah sejak kemerdekaannya pada 1947. Bezanya, mereka tidak menghadapi masalah perkauman seperti kita. Kita ada pelbagai warna hati yang perlu dijaga dan dilindungi hak mereka. BN membuktikannya dengan Umno turut tidak menafikan hak Melayu.

Mengikut definisi saya, pemimpin terbaik ialah pemimpin yang mengotakan kata. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menjanjikan Malaysia dengan kereta buatan tempatan, jambatan ketiga terpanjang di Asia Tenggara dan bangunan tertinggi di dunia. Jelasnya, beliau mengotakan katanya. Sebaliknya, kita lihat betapa pemimpin parti pembangkang hanya lebih kepada omong-omong kosong dengan lebih banyak mencari kesalahan kerajaan tanpa menilai diri sendiri terlebih dahulu. Keadaan sekarang bertambah buruk apabila ada sesetengah pihak yang nyata menanggung di air keruh.

Sebagai contoh, mereka yang menerbitkan majalah dan akhbar jelas

menunggu peluang datang bergolek. Hampir 100 peratus isinya berkisar mengenai perkara berkenaan sambil memburuk-burukkan orang itu dan orang ini. Saya agak kasihan dengan mereka yang hanya berkiblatkan akhbar terbabit. Apa sudah tidak ada isu lain lagikah yang hendak dibaca? Tidakkah kita perlu tahu mengenai berita lain yang lari dari rangkuman politik seperti pendidikan, ekonomi dan hiburan. Jangan ingat saya tidak membaca akhbar sedemikian. Saya turut membaca untuk membuat penilaian dan jelas saya tahu betapa akhbar perdana jauh mendahului khususnya dari segi isinya yang mantap dan yang paling saya hargai ialah mutu bahasa yang baik.

Saya pasti, rencana ini mungkin tidak dibaca sama sekali oleh penyokong reformasi, Pas, keADILan atau DAP. Oleh itu saya berharap benar agar seorang dua daripada anda yang membacanya, hebahkanlah kepada rakan penyokong yang lain berserta pesanan saya: "Bebaskan diri anda daripada sebarang bantuan kerajaan sebelum mula mengutuk. Kalau anda seorang Melayu, kajilah dengan mendalam apakah dilema Melayu yang sebenar?"

Apa yang saya pasti, perjuangan kita; kemungkinan bermula sejak era Hang Tuah lagi, masih belum selesai.